

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kadar had wang derma daripada pihak luar yang perlu diisytiharkan kepada Bank Negara dan adakah wujud klausa pengecualian pengisytihartan kepada Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa, pemastautin adalah bebas untuk menerima pembayaran dalam mata wang asing daripada bukan pemastautin kecuali dana dalam bentuk

pinjaman luar pesisir atau dalam bentuk pembayaran berkaitan transaksi derivatif yang ditawarkan oleh bukan pemastautin. Oleh itu, penerimaan dana derma daripada bukan pemastautin adalah tidak tertakluk kepada peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa.

Penerimaan dana masuk (termasuklah dana derma) tidak tertakluk kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA), melainkan jika memasukkan dana tersebut melibatkan aktiviti-aktiviti haram yang tersenarai di bawah Jadual Kedua AMLA. AMLA bertujuan untuk memantau dan mengesan transaksi kewangan yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan kesalahan-kesalahan berat di dalam atau luar negara. Langkah ini diambil Bank Negara Malaysia bagi melindungi integriti sistem kewangan Malaysia dan memastikan sistem kewangan negara tidak disalahgunakan untuk aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Butiran transaksi penerimaan dana perlu diisytiharkan secara terperinci kepada bank penerima di Malaysia bagi transaksi yang

melibatkan dana berjumlah RM200,001 dan ke atas. Pengisytiharan ini adalah perlu bagi tujuan pengumpulan statistik imbangan pembayaran negara (*Balance of Payments statistics*).